

07/04/2002

Pengaruh Yahudi kuat dalam pentadbiran Bush

Syed Akbar Ali

KEKEJAMAN Israel terhadap orang Arab berterusan tanpa henti dan tanpa boleh disekat oleh sesiapa pun kecuali jika Amerika Syarikat mengambil tindakan menamatkan pembunuhan secara beramai-ramai di bumi Palestin. George Bush sendiri telah menghalalkan kekerasan Ariel Sharon dan menuding jari kepada Yasser Arafat sebagai bertanggungjawab ke atas persengketaan yang sedang memuncak.

Sejak tahun 60-an Amerika Syarikat telah menjadi penaung dan godfather Israel dan telah membekalkan Israel dengan kelengkapan senjata dan sokongan politik pada peringkat antarabangsa yang mengizinkan Israel meneruskan kekejaman terhadap orang Arab. Mengikut fahaman umum Amerika melihat Israel sebagai pangkalan tenteranya di Timur Tengah untuk menjaga kepentingan mereka di rantau itu terutama sekali sumber minyak tanah Arab yang begitu lumayan yang amat penting untuk ekonomi Amerika Syarikat.

Tetapi sebenarnya Amerika tidak perlu kepada Israel untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka kerana di merata dunia Amerika masih dapat mempertahankan kepentingan strategi dan ekonominya tanpa kekerasan atau persengketaan. Contoh yang jelas ialah pembabitan Amerika menggali sumber minyak di Asia Tenggara termasuk di negara kita sendiri. Di negara lain seperti India dan China, yang boleh dianggap sebagai negara yang bebas daripada pengaruh Amerika, mereka masih dapat menjalinkan perhubungan perdagangan yang menguntungkan.

Persepakatan Amerika untuk menyokong keganasan dan persengketaan di Israel adalah hasil daripada pengaruh dan kuasa politik dan ekonomi orang Yahudi sendiri di Amerika Syarikat yang mana kaum minoriti Yahudi boleh menentukan dasar dan pelaksanaan dasar untuk kaum majoriti kulit putih Amerika Syarikat.

Walaupun bilangan mereka adalah begitu kecil di Amerika Syarikat, tetapi orang Yahudi telah berjaya menguasai hampir kesemua bidang ekonomi, perbankan, perniagaan, sosial, pendidikan, politik dan pertahanan negara itu. Pengaruh orang Yahudi adalah menyeluruh.

Cara orang Amerika berfikir, fesyen pakaian mereka, perbualan intelek mereka, hiburan yang mereka minati semuanya adalah dikawal dan dibentuk oleh orang Yahudi. Segolongan ekstremis kulit putih di Amerika Syarikat yang anti-Yahudi ibaratkan semua pentadbiran Amerika sejak Perang Dunia Kedua sebagai Zionist Occupation Government atau Kerajaan Jajahan Zionis.

Institusi Presiden Amerika Syarikat juga tidak terlepas daripada cengkaman orang Yahudi. Kuasa politik Amerika telah menjadi sasaran utama perancangan antarabangsa Yahudi. Mereka sungguh berjaya dalam hal ini kerana pada hari ini tanpa sokongan orang Yahudi tidak ada sesiapa pun daripada rakyat Amerika Syarikat boleh harap menduduki White House sebagai Presiden.

Walaupun George Bush berpangkalan di Texas, pengaruh Yahudi terhadap pentadbirannya boleh disukat daripada bilangan menteri dan penasihat Yahudi yang bertugas dalam kabinet George Bush. Mereka semua adalah penyokong kuat kepentingan Yahudi dan Israel.

Sebagai permulaan, kita perlu lihat kepada jawatan jurucakap White House. Ini adalah satu jawatan yang amat penting dan berpengaruh dalam pejabat Presiden Amerika Syarikat. Jurucakap White House yang mewakili Presiden Amerika Syarikat bertanggungjawab menjelaskan dasar kerajaan kepada seluruh dunia.

Berlainan sekali daripada pemimpin di Malaysia ataupun di negara lain,

wartawan dan pihak media Amerika Syarikat jarang sekali dibenarkan bertemu dengan Presiden mereka. Mereka takut jika disoal oleh wartawan tanpa persediaan awal, Presiden mereka terdedah kepada risiko membuat kenyataan salah yang bakal menimbulkan masalah dasar untuk kerajaan.

Inilah sebabnya apabila kita melihat Presiden Amerika tiba di sesuatu tempat atau berlepas daripada sesuatu bangunan, wartawan dan pemberita ditahan di belakang pagar sekurang-kurangnya lima belas meter dari Presiden.

Presiden Amerika menjawab soalan wartawan pada masa tertentu saja di Press Room di White House tetapi hanya untuk menjelaskan perkara yang khusus dan setelah beliau diberi taklimat terperinci dan dilatih menjawab soalan yang bakal ditimbulkan. Wartawan yang diberi lesen masuk White House juga adalah terpilih daripada akhbar yang pro Presiden saja. Contohnya walaupun Pas pernah mengampu Al Gore, wartawan Harakah tidak akan dibenarkan hadir di luar pagar White House pun.

Apabila Presiden menyambut pemimpin luar negara di White House dan berdiri untuk bergambar dengan mereka, jurugambar terpaksa menggunakan telephoto lens kerana mereka tidak boleh menghampiri Presiden. Wartawan terpaksa memekik-mekik soalan dari jauh yang jarang dijawab oleh Presiden.

Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa pejabat Presiden Amerika kerap membuat kenyataan akhbar. Tugas ini diberi kepada jurucakap White House yang bertanggungjawab menjelaskan dasar Presiden. Jurucakap George Bush sekarang adalah seorang Yahudi bernama Ari Fleischer. Selain daripada menjadi seorang yang amat berpengaruh di kalangan masyarakat Yahudi di Amerika Syarikat beliau dipercayai mempunyai kewarganegaraan Israel.

Sebagai jurucakap White House Ari Fleischer bukan saja meluahkan dasar Presiden Bush tetapi beliau juga bertanggungjawab menjawab soalan daripada wartawan tanpa perlu rujuk kepada Presiden. Maka jawatan ini amat penting dan berpengaruh. Orang Yahudi memang kawal jawatan ini dengan begitu ketat sekali.

Seorang lagi Yahudi yang memegang jawatan penting dalam Kabinet Bush adalah Richard Perle yang selain daripada menjadi Penasihat Dasar Luar kepada Bush (Foreign Policy Advisor) juga menjadi Pengerusi Lembaga Pembentukan Dasar Pentagon (Pentagon's Defense Policy Board).

Sebagai pengerusinya Perle melantik ramai sahabat keturunan Yahudi untuk membantu beliau termasuk James Schlesinger. James Schlesinger dikenali sebagai seorang Yahudi ultra yang tidak pernah berhenti menghasut pemimpin tentera Amerika untuk melancarkan serangan bom ke atas Iraq.

Ketika pilihan raya Presiden Amerika yang lepas, Perle menjadi penasihat Bush dalam kempen pilihan raya dan membantu Bush mencapai kemenangan. Pada 1970-an Perle pernah dipecat dari jawatannya di pejabat seorang Senator bernama Henry Jackson setelah beliau didapati bersalah membocorkan rahsia Agensi Risikan Negara (National Security Agency atau NSA) kepada Duta Israel di Washington.

Sebelum bekerja dengan Bush, beliau pernah juga bekerja untuk sebuah syarikat senjata Israel bernama Soltam. Antara senjata lain, Soltam juga membuat meriam besar 155mm yang boleh menembak sasaran sejauh 41 kilometer yang juga digunakan oleh angkatan tentera Singapura.

Perle mempunyai beberapa orang sahabat keturunan Yahudi yang juga menyandang jawatan berpengaruh dalam kerajaan Bush. Misalnya Paul Wolfowitz, seorang Yahudi yang mempunyai pandangan ultra dan ekstremis terhadap orang Arab menjadi Timbalan Menteri Pertahanan (Deputy Defense Secretary) dalam kabinet Bush. Wolfowitz juga dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan angkatan tentera Israel.

Seorang lagi Yahudi dan sahabat Perle dalam kerajaan Bush ialah Douglas Feith yang menjadi Timbalan Menteri Pertahanan Kedua (Under Secretary of Defense) dan juga penasihat kepada Pentagon. Beliau pernah bekerja sebagai

Pegawai Khas kepada Richard Perle.

Sama seperti Richard Perle, Douglas Feith adalah seorang ultra Yahudi dan menjalin hubungan rapat dengan Zionist Organisation of America sebuah pertubuhan pro-Israel yang tugasnya ialah membantah segala bentuk usaha damai dengan orang Palestin dan juga menyerang orang Yahudi yang menganjurkan sebarang perdamaian dengan Palestin. Ketika kerajaan Ronald Reagan, Feith juga memegang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan Kedua dan menjadi ahli Majlis Keselamatan Negara Amerika (National Security Council atau NSC).

Beliau adalah seorang peguam dan mempunyai syarikat guaman Feith and Zell yang mempunyai sebuah pejabat di Washington dan dua pejabat cawangan di Israel. Syarikat guaman Feith memberi perkhidmatan pakar kepada pembuat senjata Israel yang ingin mendapat kontrak menjual senjata kepada tentera Amerika Syarikat. Feith and Zell juga memberi nasihat pakar kepada syarikat pembuat senjata Israel untuk memperoleh teknologi senjata canggih daripada Amerika Syarikat.

Maka orang yang menjadi bapa guaman kepada industri persenjataan Israel juga memegang jawatan penting dan berpengaruh dalam kabinet Bush.

Elliot Abrams, seorang lagi Yahudi yang dilantik oleh Bush menjadi penasihat Majlis Keselamatan Negara (NSC) pernah didapati salah pada 1991 atas pembabitian haram beliau dalam skandal Iran-Contra yang mana mereka telah menjual senjata secara haram kepada Iran untuk berperang dengan Iraq. Beliau diampun kesalahannya oleh ayah Bush iaitu Presiden George Bush Senior.

Ramai penasihat dan ahli kabinet Bush yang berketurunan Yahudi itu memegang kewarganegaraan Israel. Satu lagi contoh ialah Dov Zekheim, seorang lagi Timbalan Menteri Pertahanan Kedua (Under Secretary of Defense) dalam kerajaan Bush.

Mereka minat memegang jawatan dalam Jabatan Pertahanan Amerika (Pentagon) atau sebagai penasihat Majlis Keselamatan Negara (NSC). Seorang lagi penasihat Bush dalam NSC keturunan Yahudi yang sangat terkenal ialah Henry Kissinger.

Selain pertahanan dan keselamatan, Robert Zoellick adalah ahli kabinet Bush keturunan Yahudi yang menjadi wakil perdagangan Amerika Syarikat di WTO dan sebagainya. Zoellick adalah seorang ekstremis Yahudi pro-Israel dan juga menganjurkan supaya Iraq diserang oleh tentera Amerika. Beliau pernah ketengahkkan pendapat supaya bahagian selatan Iraq ditawan dan negara itu dibahagi dua seperti pernah dilakukan terhadap Korea dan Vietnam.

Pembaca budiman tentu kenal nama Douglas H Paal yang dihubungkan dengan seorang bekas pemimpin negara kita. Douglas H Paal membuat pengakuan secara terbuka bahawa beliau pernah menerima sumbangan kewangan daripada pihak tertentu di Malaysia. Sebenarnya Douglas H Paal juga adalah seorang Yahudi yang dilantik Presiden George Bush Senior iaitu ayah Presiden Bush menjadi pengarah kanan Majlis Keselamatan Negara (NSC) pada 1991.

Sebelum itu Paal memulakan tugasnya sebagai seorang ejen perisikan kanan dengan CIA (Central Intelligence Agency) dan memegang jawatan Deputy National Intelligence Officer dari 1976 hingga 1982. Sehingga hari ini Paal masih berusaha kuat untuk memburukkan nama Malaysia, khususnya Dr Mahathir di Amerika dan Eropah. Douglas H Paal amat popular sebagai penceramah di kalangan persatuan Yahudi pro-Israel seperti Jewish Veterans Association dan American Jewish Committee.

Satu lagi jawatan penting yang dikawal rapi oleh golongan Yahudi Amerika ialah tugas melantik dan melatih duta dan pegawai jabatan luar negara (State Department) Amerika Syarikat. Amat penting bagi mereka mengawal pelantikan duta dan pegawai jabatan luar kerana duta dan pegawai jabatan

luar negara membantu memberi pandangan dan maklumat untuk membentuk dasar luar Amerika Syarikat terhadap sesebuah negara.

Oleh itu Marc Grossman, seorang Yahudi juga, dilantik memegang jawatan penting sebagai Pengarah Sumber Manusia di Jabatan Luar Negara (State Department) ketika Presiden Bill Clinton dan masih memegang jawatan yang berpengaruh sebagai Timbalan Menteri Kedua di Jabatan Luar Negara kerajaan Bush (Under Secretary of State).

Grossman dibantu oleh dua orang lagi Yahudi bernama Bonnie Cohen yang menjadi pengarah pengurusan Jabatan Luar Negara dan Ruth Davis yang menjadi pengarah Foreign Service Institute yang bertanggungjawab melantik dan melatih duta Amerika yang akan ke luar negara.

Selain itu, menteri dan pegawai kanan kerajaan Bush lain yang juga berketurunan Yahudi ialah Mark Weinberger, Timbalan Menteri Kewangan; Joshua Bolten, Pengarah Kanan Pembentukan Dasar (Chief Policy Director); Samuel Bodman, Timbalan Menteri Perdagangan; Lincoln Bloomfield, Timbalan Menteri Jabatan Luar Negara; Robert Satloff, penasihat Majlis Keselamatan Negara (NSC), Mel Sembler, Presiden Export-Import Bank Amerika Syarikat dan Daniel Saul Goldin, Ketua Agensi Angkasa Lepas Amerika atau Nasa. Maka tidak hairanlah apabila sebahagian pemerhati menggelar pentadbiran Bush sebagai kerajaan Yahudi Amerika Syarikat (US Jewish government under George Bush).

Semua daripada orang Yahudi yang tersenarai di sini dikenal pasti sebagai penyokong kuat ataupun ahli kumpulan dan persatuan Yahudi yang pro-Israel. Mereka ialah golongan pro-Israel lobby group yang sebenarnya mengawal dan membentuk pemikiran Presiden Amerika.

Mereka boleh menduduki jawatan yang begitu berpengaruh kerana tanpa bantuan orang Yahudi tidak ada seorang pun Presiden Amerika boleh dilantik menjadi Presiden. Selepas dilantik sekiranya presiden membentuk dasar yang bercanggah dengan kehendak pro-Israel lobby ini maka sudah tentu Presiden itu akan dicemuh dan dikritik oleh media Amerika Syarikat yang hampir semuanya di bawah pengaruh orang Yahudi juga.

Paling mudah bagi mereka mengancam atau mengugut Presiden itu kerana akhbar yang berpengaruh dan syarikat gergasi media Amerika semuanya dikuasai penuh orang Yahudi. Sebagai contohnya Stuart Bloomberg, seorang Yahudi mengetuai ABC Entertainment Division.

Berita perdana stesen televisyen NBC Nightly News diketuai oleh Steven Friedman. Ketua Pegawai Eksekutif TV NBC ialah Robert Sarnoff, anak David Sarnoff yang juga terkenal sebagai pengasas syarikat mesin jahit Singer. Gergasi media dan televisyen CBS pula dipunyai oleh Lawrence A Tisch yang juga ketua Pegawai Eksekutifnya. Begitu juga stesen TV hiburan MTV diuruskan oleh Yahudi bernama Sumner M Redstone. Di Hollywood pula, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat gergasi perfileman 20th century Fox ialah seorang lagi Yahudi bernama Barry Diller. Sebelum Diller jawatan ini dipegang oleh seorang lagi Yahudi bernama Peter Chernin.

Syarikat gergasi perfileman Paramount Pictures dan Walt Disney Corporation dipunyai dan diurus oleh Yahudi. Martin Tartikoff ialah Pengerusi Paramount Pictures manakala Michael Eisner menguasai Walt Disney Corporation. Syarikat media TV dan perfileman Hollywood mempunyai pengaruh yang begitu kuat untuk menonjolkan kebaikan atau mendedahkan keburukan Presiden atau dasarnya. Tanpa layanan yang mesra daripada stesen TV dan syarikat media tidak ada sesiapa pun boleh dilantik menjadi Presiden Amerika. Dan tanpa kerjasama mereka tidak ada seorang pun Presiden Amerika boleh menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Selain stesen TV, akhbar yang berpengaruh seperti US News and World Report, New York Post, New York Times, Wall Street Journal, Washington Post, majalah Newsweek, Time Magazine dan majalah berpengaruh lain seperti New Yorker, Vogue, Mademoiselle, Glamour, Vanity Fair, HQ, Bride's,

Gentleman's Quarterly, Self, House & Garden semuanya dipunyai dan diuruskan oleh orang Yahudi.

Kesimpulannya orang Yahudi amat pintar. Sesudah mereka menguasai penuh sebuah negara kuasa besar seperti Amerika termasuk presidennya, mereka boleh menggunakan pengaruh mereka untuk mengawal dan merancang untuk menaikkan atau menjatuhkan sesiapa saja dalam dunia ini. Inilah yang sudah dan sedang berlaku sehingga hari ini di merata dunia termasuk di Palestin.

Walaupun kaum majoriti kulit putih Amerika sedar akan kuasa dan pengaruh Yahudi mereka tidak membantahnya kerana pada keseluruhannya pengaruh orang Yahudi membawa pembangunan dan kemajuan yang begitu pesat di Amerika.

Pertalian perdagangan dan perbankan antarabangsa Yahudi mempercepatkan kemajuan ekonomi negara itu. Orang Yahudi ialah saintis dan doktor yang paling handal di Amerika.

Sifat orang Yahudi yang mendewakan budaya ilmu mirip dengan kehendak penduduk Amerika yang paling ramai adalah keturunan pendatang dan pelarian. Mereka semua melihat kepada pendidikan dan penggunaan minda sebagai passport untuk membebaskan diri daripada kemunduran dan kemiskinan.

Orang Yahudi memperjuangkan idea yang sama. Sebagai kaum yang pernah ditindas di merata tempat, orang Yahudi juga keramatkan kebebasan berfikir dan kebebasan bersuara sebagai hak asasi yang amat perlu untuk memajukan masyarakat. Oleh itu, wawasan dan matlamat hidup orang Yahudi selari dengan cita-cita dan harapan kaum majoriti kulit putih Amerika Syarikat. Pada keseluruhannya kaum majoriti kulit putih tidak rasa mereka ditindas oleh kuasa dan pengaruh orang Yahudi.

Tetapi apabila perlu, orang yang paling mudah dijadikan mangsa oleh orang Yahudi ialah golongan yang tidak boleh berfikir. Dalam negara kita misalnya mereka berjaya memanipulasi ulama politik yang amat dangkal untuk memberontak secara ganas di tepi jalan untuk melemahkan kepemimpinan Dr Mahathir yang tidak disenangi orang Yahudi.

Penyokong ulama ganas itu pernah mendukung sepanduk yang menyatakan Al Gore Selamatkanlah Kami (Al Gore Save Us). Perbuatan seperti itu menandakan satu daripada banyak kemuncak kebodohan ulama politik dalam negara kita yang boleh dipermainkan dengan mudah oleh orang Yahudi.

Tetapi selepas tragedi 11 September, orang Yahudi membiarkan saja kumpulan ulama ganas yang mereka bela itu sebagai tidak berguna lagi untuk tujuan mereka. Sebaliknya mereka memburu dan mengebom ulama ganas di seluruh dunia dari Afghanistan, Pakistan, Indonesia, Singapura dan Filipina.

Mengenai kaum Bani Israel pula, Maha Suci Allah berfirman yang bermaksud:

"Telah Kami wahyukan kepada Bani Israil dalam Kitab: Sesungguhnya kamu akan berbuat bencana dua kali di muka bumi dan berlaku sombong dengan kesombongan yang besar. Apabila datang janji yang pertama daripada keduanya, Kami bangkitkan kepadamu beberapa orang hamba Kami yang gagah perkasa, lalu mereka itu mencarimu dalam negeri. Itulah janji yang mesti dilakukan. Kemudian Kami kembalikan kekuasaan kepada kamu dan Kami anugerahi kamu harta benda dan anak dan Kami jadikan kamu mempunyai kaum yang banyak. Jika kamu berbuat baik, nescaya kamu berbuat baik untuk dirimu. Jika kamu berbuat jahat (balasannya) untuk dirimu pula. Maka apabila datang janji yang kemudian mereka akan menghinakan mukamu dan memasuki masjid sebagaimana mereka telah memasukinya pertama kali, lalu mereka akan membinasakan apa yang mereka kuasai dengan kebinasaan (yang hebat)." - Surah 17: 4 - 7.

Mengikut janji Allah, Bani Israil yang takbur dan melakukan kerosakan akhir sekali akan dikalahkan juga. Tetapi mereka tidak boleh dikalahkan oleh kaum yang lemah yang hanya bercakap kosong atau bercakap kotor dan suka caci mencaci. Kaum yang akan melumpuhkan Bani Israil yang kuat dan

berharta itu perlu datang daripada satu kaum yang lebih kuat, lebih banyak lagi harta kekayaannya dan lebih cerdik daripada Bani Israil.

Begitu juga cara mengatasi penindasan Yahudi ialah membangunkan umat kita mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi daripada mereka. Maki hamun, ceramah kosong dan cerita lawak tidak berguna untuk membebaskan umat kita daripada kezaliman kaum yang menggunakan otak dan pemikiran progresif.

Kita perlu kepada pembangunan minda, pendidikan, pengurusan, pembangunan dan kemajuan sains untuk mengatasi penindasan dan komplot mereka.

(END)